

Ashaari boleh sertai UMNO

KUALA LUMPUR 5 Ogos
— Perdana Menteri berkata, pemimpin Al-Arqam, Ashaari Muhammad boleh menyertai UMNO tetapi harus mematuhi prinsip-prinsip parti berkenaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO tidak menghalang kemasukannya kerana sebelum ini pun ada beberapa pemimpin yang pernah menentang kerajaan turut diterima menyertai parti itu.

“Seperti yang diketahui, orang nombor dua UMNO sekarang (merujuk kepada timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim) dulu menentang kerajaan, dia bersama Angkatan Belia Islam...yang dahulu antike-
rajaan. Kita tidak menghalangnya,” kata Dr. Mahathir.

Bertanding

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Pemimpin-Pemimpin Muda Asia Timur Pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir memberitahu, Ashaari juga boleh menubuhkan parti politik dan bertanding dalam pilihanraya mengikut peruntukan undang-undang.

Bagaimanapun, beliau berkata, pemimpin Al-Arqam itu harus menghentikan ajaran-ajarannya yang menyeleweng.

“Dia boleh kembali ke tanah air, menghentikan ajaran-ajarannya dan membentuk parti politik untuk bertanding dalam pilihanraya.”

“Saya juga pernah kalah dalam pilihanraya...di Malaysia ada kemungkinan seseorang itu kalah dan menang...ada juga yang menyertai pembangkang, kita tidak boleh menghalang,” tambahnya.